

Pemuda tempatan berusia 22 tahun jadi mangsa ke-16 tahun ini

# Lagi kes terjun Jambatan P. Pinang

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Seorang lelaki berusia 22 tahun dikhuatiri lemas selepas terjun dari Jambatan Pulau Pinang di Kilometer (KM) 2.2 menghala ke arah pulau di sini semalam.

Mangsa warga tempatan meninggalkan kereta jenis Peugeot bersama barangan peribadinya di tepi tembok jambatan pertama itu.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang berkata, pihaknya menerima panggilan pada pukul 5.39 pagi.

“Pihak kami memantau jambatan bagi mengesan kedudukan mangsa, namun kita percaya dia dihanyutkan arus.

“Operasi mencari dan menyelamat dijalankan dan Pos Kawalan Bomba dibuka di Jeti Pengkalan Marin JBPM Mak Mandin, Butterworth,” katanya dalam kenyataan semalam.

Lelaki itu merupakan mangsa ke-16 kes terjun jambatan pertama Pulau Pinang sejak Januari lalu dan kes pertama bulan ini.

Sembilan mangsa adalah lelaki, manakala bakinya wanita.

*Kosmo!* pada 25 Mei lalu mela-



**KERETA Peugeot berwarna merah yang ditinggalkan mangsa di tepi tembok Jambatan Pulau Pinang menghala ke arah pulau semalam. – IHSAN BOMBA**

porkan, mayat mangsa yang berusia 22 tahun juga pemandu kereta Perodua Axia ditemui selepas 33 jam terjatuh jambatan tersebut.

Kejadian itu berlaku di KM 8, Jambatan Pulau Pinang pada pukul 12.39 tengah hari.

Mayat mangsa yang berusia 22 tahun dijumpai dalam keadaan terapung dan lengkap berpakaian di kawasan perairan berhampiran resort Pulau Jerejak dekat sini.

Mana-mana individu yang mempunyai masalah kemuru-

ngan atau menghadapi tekanan boleh menghubungi Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) di **03-29359935** atau **014-3223392** atau Talian Kasih **15999/WhatsApp Talian Kasih di 019-2615999**.

## Kes terjun Jambatan Pulau Pinang Bagi tahun 2022

- 3 Jan. Lelaki (mati) tidak pasti
- 13 Jan. Lelaki (mati) KM3.4 (SP-P)
- 13 Feb. Perempuan KM3.4 (SP-P) (Selamat)
- 24 Feb. Lelaki (mati) KM5.2 (P-SP)
- 20 Mac Lelaki (mati) KM4.0 (P-SP)
- 30 Mac Perempuan (SP-P) (selamat)
- 29 April Perempuan KM2.8(PP-SP) (mati)
- 1 Mei Lelaki KM1.1 (selamat)
- 5 Mei Lelaki (mati) KM4.2 (SP-P)
- 10 Mei Lelaki (mati) KM4.0 (P-SP)
- 12 Mei Perempuan KM6.5 (P-SP) (Selamat)
- 16 Mei Lelaki (mati) KM4.0 (P-SP)
- 21 Mei Perempuan Tidak pasti (selamat)
- 23 Mei Perempuan Tidak pasti (selamat)
- 24 Mei Perempuan KM8.0 (P-SP) (mati)
- 1 Jun Lelaki KM2.2 (SP-P)

● P - Pulau / SP - Seberang Perai